

<p>PRODUCT DISCLOSURE SHEET (Read this Product Disclosure Sheet before you decide to participate the <i>Zurich Essential Fire Takaful</i>. Be sure to also read the general terms and conditions.)</p>	<p>ZURICH GENERAL TAKAFUL MALAYSIA BERHAD - PRODUCT : ZURICH ESSENTIAL FIRE TAKAFUL</p> <p>Date:</p>
<p>1. What is this product about?</p>	
<p>The Zurich Essential Fire Takaful (ZEFT) is a de-tariff product provides coverage for property (building, plant and machinery, stock-in-trade, furniture, fixtures and fittings and all other contents relating to the participant's trade) described in the Takaful certificate schedule.</p> <p>This Product have complementary benefits Extinguishment and Alarm Resetting Expenses and Charges (Non-Tariff) and Expediting Expense (Non-Tariff).</p> <p>You may opt to make for an additional contribution to extend the cover on the following perils:-</p> <ol style="list-style-type: none"> Aircraft damage Earthquake and volcanic eruption Storm, tempest Flood Explosion Impact damage Bursting or overflowing of water tanks apparatus or pipes Bush / lalang fire Electrical installations for manufacturing risks and workshops to cover electrical machinery, plant or installations Subsidence and landslip Spontaneous combustion Riot strike and malicious damage Damage by falling trees or branches and objects Cold storage / incubator Smoke damage Goods and stocks undergoing any heating or drying process Sprinkler leakage First Loss Terrorism/Sabotage (applicable to this de-tariff product only which is not available for Fire Tariff product) <p>The benefit(s) payable under eligible product is protected by PIDM up to limits. Please refer to PIDM's TIPS Brochure or contact Zurich General Takaful Malaysia Berhad or PIDM (visit www.pidm.gov.my).</p> <p>The duration of cover is for one year. You need to renew your Takaful cover annually.</p>	
<p>2. What are the applicable Shariah concepts?</p>	
<ul style="list-style-type: none"> Takaful: It means an arrangement based on mutual assistance under which Takaful Participants agree to contribute to a common fund providing for mutual financial benefits payable to the Takaful Participants or their beneficiaries on the occurrence of pre-agreed events. Wakalah: It means agency contract where the Participant appoints the Takaful Operator to manage Takaful contributions by charging an agreed Wakalah Fee for their services. Tabarru': It is a contribution from the Participants to the General Risk Investment Account (GRIA) which the participants agree to relinquish all or a portion of their contribution to pay the Takaful benefits. It is a donation where Participants agree to contribute to a special account known as the General Risk Investment Account (GRIA). The contribution will be used to help other Persons Covered in times of misfortune. Hibah: If there is a Surplus Sharing declared from the GRIA at the end of each financial year, 50% of the surplus will be shared with the eligible Participant based on the Hibah (gift) contract. Ju'alah: It is a commission (reward) for good performance in managing the GRIA where the Takaful Operator shall be entitled to an incentive equal to 50% of any surplus sharing from the GRIA after the end of each financial year. Qard: It shall mean an interest free loan; which provided by the Takaful Operator in the event of deficit in the General Risk Investment Account (GRIA). 	
<p>3. How much contribution do I have to make?</p>	
<p>The total contribution that you have to make may vary depending on the underwriting requirements (e.g. construction, trade, sum covered etc.) of the Takaful Operator. Please refer to the Takaful Consultant or the Takaful Operator directly for more information.</p>	

4. What are the fees and charges that I have to make?										
Types	Amount									
<ul style="list-style-type: none"> • Wakalah fees • Tax * • Stamp Duty <p>*Tax – All contribution and fees shown in this document may be subject to tax or other government levies.</p>	<ul style="list-style-type: none"> • 35.50% of contributions of which: <ul style="list-style-type: none"> ○ Commission – 15% of contribution ○ Management Expenses – 20.50% of contribution • 8% of contribution • RM10.00 									
5. What are some of the key terms and conditions that I should be aware of?										
<p>a. Consumer Takaful Contract</p> <p>Pursuant to Paragraph 5 of Schedule 9 of the Islamic Financial Services Act 2013, if you are applying for this Takaful wholly for purposes unrelated to your trade, business or profession, you have a duty to take reasonable care not to make a misrepresentation in answering the questions in the Proposal Form (or when you apply for this Takaful). You must answer the questions fully and accurately.</p> <p>Failure to take reasonable care in answering the questions may result in avoidance of your contract of Takaful, refusal or reduction of your claim(s), change of terms or termination of your contract of Takaful.</p> <p>The above duty of disclosure shall continue until the time your contract of Takaful is entered into, varied or renewed with us.</p> <p>In addition to answering the questions in the Proposal Form (or when you apply for this Takaful), you are required to disclose any other matter that you know to be relevant to our decision in accepting the risks and determining the rates and terms to be applied.</p> <p>You also have a duty to tell us immediately if at any time after your contract of Takaful has been entered into, varied or renewed with us any of the information given in the Proposal Form (or when you applied for this Takaful) is inaccurate or has changed.</p> <p>b. Non-Consumer Takaful Contract</p> <p>Pursuant to Paragraph 4(1) of Schedule 9 of the Islamic Financial Services Act 2013, if you are applying for this Takaful for a purpose related to your trade, business or profession, you have a duty to disclose any matter that you know to be relevant to our decision in accepting the risks and determining the rates and terms to be applied and any matter a reasonable person in the circumstances could be expected to know to be relevant, otherwise it may result in avoidance of your contract of Takaful, refusal or reduction of your claim(s), change of terms or termination of your contract of Takaful.</p> <p>The above duty of disclosure shall continue until the time your contract of Takaful is entered into, varied or renewed with us.</p> <p>You also have a duty to tell us immediately if at any time after your contract of Takaful has been entered into, varied or renewed with us any of the information given in the Proposal Form (or when you applied for this Takaful) is inaccurate or has changed.</p> <p>c. Important of disclosure – must disclose all the facts in the proposal form fully and faithfully (e.g. any previous losses or any Takaful Operator who has declined to cover you) which you know or ought to know otherwise the certificate issued hereinafter may be void.</p> <p>d. You must ensure that your property is adequately covered at the appropriate amount taking into account the renovations made to your property.</p> <p>Covered Value / Sum Covered Building sum covered = market value or reinstatement value Contents sum covered New items = purchase price Other items = market value which shall mean the value of the property covered less due allowances for wear and tear and / or depreciation Average Clause If at the time of loss, the property covered be of greater value than the sum covered, you shall have to bear a rateable proportion of the loss eg.</p> <table style="width: 100%; border-collapse: collapse;"> <tr> <td style="width: 150px;">Value at Risk</td> <td style="width: 20px;">:</td> <td>RM50,000</td> </tr> <tr> <td>Sum Covered</td> <td>:</td> <td>RM30,000</td> </tr> <tr> <td>Loss or Damage</td> <td>:</td> <td>RM7,000</td> </tr> </table> <p>Takaful Operator pays : $\frac{RM30,000/-}{RM50,000/-} \times RM7,000/- = RM4,200/-$</p> <p>You will have to bear : $RM7,000 - RM4,200/- = RM2,800/-$ (Excess)</p> <p>e. Excess – It is the amount of loss you have to bear while your Takaful Operator will pay for the balance of the loss or damage claim.</p> <p>f. Period of Coverage – Not exceeding 12 months unless to coincide with the expiry of other certificates effected by you. You need to renew your Takaful Certificate annually.</p> <p>g. Contribution * The contribution due must be made to Zurich General Takaful Malaysia Berhad within 60 days from the inception date of certificate failing which the contract will be automatically cancelled.</p>		Value at Risk	:	RM50,000	Sum Covered	:	RM30,000	Loss or Damage	:	RM7,000
Value at Risk	:	RM50,000								
Sum Covered	:	RM30,000								
Loss or Damage	:	RM7,000								

<ul style="list-style-type: none"> * Insist on a receipt for the contribution made to your Takaful Consultant or Takaful Operator. * Contribution can be made by cash or cheques (cheques should be made payable only in the name of Zurich General Takaful Malaysia Berhad. * Contact Zurich General Takaful Malaysia Berhad if you have not received the Takaful certificate after one month of purchase. <p>h. Importance of receipt keeping and Other Key Terms & Conditions: Please refer to this link https://zurich.com.my/en/services/corporate/key-terms-and-conditions</p> <p>Note: <i>This list is non-exhaustive. Please refer to the certificate contract for the terms and conditions under this certificate.</i></p>
<p>6. What are the major exclusions under this certificate?</p> <p>This standard fire certificate does not cover certain losses, such as:</p> <ul style="list-style-type: none"> * Earthquake, volcanic eruption and other convulsion of nature * Typhoon, hurricane, tornado, cyclone or other atmospheric disturbance * Subterranean Fire * Burning of property by order of any public authority * Explosion other than domestic explosion * Bush/lalang fire * Theft * Spontaneous combustion * War, Terrorism, Nuclear and Radioactivity Risks <p>All other exclusions are as per the fire certificate. However, you may make additional contribution to cover some of the above peril exclusions as mentioned under Question 1.</p> <p>Note: <i>This list is non-exhaustive. Please refer to the sample certificate contract for the full list of exclusions under this certificate.</i></p>
<p>7. Sanction Exclusion Clause</p> <p>Notwithstanding any other terms under this agreement, no takaful operator shall be deemed to provide coverage or will make any payments or provide any service or benefit to any participant or other party to the extent that such cover, payment, service, benefit and/or any business or activity of the participant would violate any applicable trade or economic sanctions law or regulation under the sanctions regimes of United Nation Security Council (UNSC), Ministry of Home Affairs (MOHA) and Office of Foreign Assets Control (OFAC).</p>
<p>8. Treatment of Small Amount</p> <p>Small Amount shall mean any amount below Ringgit Malaysia Ten (RM10) arises from contribution excess, cancellation, surplus distribution or claims that are to be made other than by way of electronic payment. The Small Amount shall be channeled to charity. However, if You decide otherwise, You are required to submit a formal request to Us.</p> <p>We may review the applicability of the above stated small amount and any change to the amount will be subjected to Our Shariah Committee approval.</p>
<p>9. Can I cancel my certificate?</p> <p>You may cancel your certificate by giving fourteen (14) days written notice to the Takaful Operator. Upon cancellation, you are entitled to a return of the contribution based on short period calculation on the unexpired period of takaful subject to minimum premium retained by the Takaful Operator.</p>
<p>10. What do I need to do if there are changes to my contact details?</p> <p>It is important that you inform us of any changes in your contact details to ensure that all correspondences reach you in a timely manner.</p>
<p>11. Where can I get further information?</p> <p>Should you require additional information about Fire Takaful, please contact us for any enquiries at:</p> <p>Zurich General Takaful Malaysia Berhad Level 23A, Mercu 3, No. 3, Jalan Bangsar, KL Eco City, 59200 Kuala Lumpur, Malaysia. Tel : 603-21096000 Fax : 603-21096888 Call Centre: 1-300-888-622 www.zurich.com.my</p>
<p>12. Other similar types of plan available</p> <ol style="list-style-type: none"> 1) Fire Takaful 2) Houseowner/Householder Takaful

IMPORTANT NOTE:

YOU MUST ENSURE THAT YOUR PROPERTY IS COVERED AT THE APPROPRIATE AMOUNT. YOU SHOULD READ AND UNDERSTAND THE TAKAFUL CERTIFICATE AND DISCUSS WITH THE TAKAFUL CONSULTANT OR CONTACT THE TAKAFUL OPERATOR DIRECTLY FOR MORE INFORMATION.

Zurich General Takaful Malaysia Berhad is licensed under the Islamic Financial Services Act 2013 and regulated by Bank Negara Malaysia.

The information provided in this disclosure sheet is valid from 1 March 2024 until a revision is issued.

Zurich General Takaful Malaysia Berhad

Registration No. 201701045981 (1260157-U)

Level 23A, Mercu 3, No. 3, Jalan Bangsar, KL Eco City, 59200 Kuala Lumpur, Malaysia

Tel: 03-2109 6000 Fax: 03-2109 6888 Call Centre: 1-300-888-622

www.zurich.com.my



LEMBARAN PENDEDAHAN PRODUK
 (Baca Lembaran Pendedahan Produk sebelum anda membuat keputusan untuk melanggan *Takaful Kebakaran Zurich Essential*. Pastikan anda juga membaca terma dan syarat am.)

**ZURICH GENERAL TAKAFUL
 MALAYSIA BERHAD - TAKAFUL
 KEBAKARAN ZURICH ESSENTIAL**

Tarikh:

1. Apakah yang ditawarkan oleh produk ini?

Takaful Kebakaran Zurich Essential (ZEFT) adalah produk de-tariff yang menyediakan perlindungan bagi harta benda (bangunan, loji dan jentera, stok dagangan, perabot, lekapan dan kelengkapan dan semua kandungan lain berkaitan perdagangan peserta) yang dinyatakan di dalam jadual sijil Takaful.

Produk ini mengandungi faedah yang lengkap iaitu Pemadaman dan Penggera Alarm dan Caj (Bukan-Tariff) dan Perbelanjaan dipercepatkan (BukanTariff).

Anda boleh membuat caruman tambahan untuk melanjutkan perlindungan bagi meliputi bahaya berikut:-

- a. Kerugian Atau Kerosakan yang disebabkan oleh Pesawat atau Peranti Udara
- b. Gempa Bumi Dan Letusan Gunung Berapi
- c. Ribut, Badai
- d. Banjir
- e. Letupan yang berpunca daripada Gas yang digunakan untuk tujuan domestik
- f. Kerosakan Akibat Impak Hentaman oleh Kenderaan atau Haiwan
- g. Perkakas Tangki atau Paip Pecah dan Melimpah
- h. Kebakaran Belukar / Lalang
- i. Pemasangan Elektrik Bagi Risiko Pembuatan Dan Bengkel Untuk Meliputi Jentera, Kilang Atau Pemasangan Elektrik
- j. Penenggelaman dan Gelinciran Tanah
- k. Pembakaran Spontan
- l. Kerosakan akibat Mogok, Rusuhan dan Perbuatan Berniat Jahat
- m. Kerosakan akibat Pokok Tumbang atau Dahan dan Objek daripadanya
- n. Penyimpanan Sejuk Beku / Inkubator
- o. Kerosakan akibat Asap
- p. Barangan Dan Stok Melalui Sebarang Proses Pemanasan Dan Pengeringan
- q. Kebocoran Pemercik Air
- r. Kerugian Pertama akibat Keganasan/Sabotaj (hanya terpakai untuk produk de-tariff ini sahaja dan tidak tersedia untuk produk Kebakaran Tariff)

Manfaat-manfaat yang dibayar di bawah produk yang layak adalah dilindungi oleh PIDM sehingga had perlindungan. Sila rujuk Brosur Sistem Perlindungan Manfaat Takaful dan Insurans PIDM atau hubungi Zurich General Takaful Malaysia Berhad atau PIDM (layari www.pidm.gov.my).

Tempoh perlindungan adalah untuk satu tahun. Anda perlu memperbaharui perlindungan Takaful anda setiap tahun.

2. Apakah konsep Syariah yang diguna pakai?

- **Takaful:** Ia bermaksud suatu persepakatan yang berdasarkan konsep saling bantu membantu di mana para Peserta Takaful saling bersetuju untuk memberi caruman kepada satu dana yang sama untuk menyediakan manfaat kewangan Bersama yang dibayar kepada Peserta Takaful atau waris-waris mereka apabila berlakunya peristiwa yang telah dipersetujui.
- **Wakalah:** Ia bermaksud kontrak perwakilan di mana Peserta melantik Pengendali Takaful untuk menguruskan caruman dengan mengenakan Yuran Wakalah untuk khidmat mereka.
- **Tabarru':** Ia adalah caruman daripada Peserta kepada Akaun Pelaburan Risiko Am (APRA) di mana Peserta bersetuju untuk melepaskan semua atau sebahagian daripada caruman tersebut untuk membayar manfaat-manfaat Takaful.
- **Hibah:** Sekiranya terdapat pengisytiharan Lebihan daripada APRA pada setiap akhir tahun kewangan, 50% daripada lebihan tersebut akan dikongsi dengan Peserta berdasarkan kontrak Hibah (Hadiah).
- **Ju'alah:** Ia bermaksud komisen (ganjaran) bagi prestasi yang baik dalam menguruskan APRA di mana Pengendali Takaful akan menerima insentif bersamaan dengan 50% daripada perkongsian APRA pada akhir setiap tahun kewangan.
- **Qard:** Ia bermaksud pinjaman tanpa faedah yang disediakan oleh Pengendali Takaful jika berlakunya defisit Akaun Pelaburan Risiko Am (APRA).

3. Berapakah caruman yang perlu saya buat ?

Jumlah caruman yang perlu anda buat bergantung pada keperluan pengunderaitan (cth pembinaan, perdagangan, jumlah dilindungi dll.) Pengendali Takaful.

Sila rujuk Perunding Takaful atau Pengendali Takaful terus untuk maklumat lanjut.

4. Apakah yuran dan caj yang perlu saya buat?

Jenis	Jumlah
<ul style="list-style-type: none">• Yuran Wakalah• Cukai *• Duti Setem <p>*Cukai – Semua caruman dan yuran yang ditunjukkan di dalam dokumen ini mungkin tertakluk kepada cukai atau levi kerajaan lain.</p>	<ul style="list-style-type: none">• 35.50% daripada caruman yang mana:<ul style="list-style-type: none">○ Komisen – 15% daripada caruman○ Perbelanjaan Pengurusan – 20.50% daripada caruman• 8% daripada caruman• RM10.00

5. Apakah antara terma dan syarat penting yang perlu saya ketahui?

a. Kontrak Takaful Pengguna

Menurut Perenggan 5 Jadual 9 Akta Perkhidmatan Kewangan Islam 2013, jika anda memohon Takaful ini untuk tujuan yang sama sekali tidak berkaitan dengan perdagangan, perniagaan atau profesion anda, anda mempunyai kewajipan untuk mengambil langkah yang munasabah agar tidak melakukan salah nyata semasa menjawab soalan di dalam Borang Cadangan (atau semasa anda memohon untuk Takaful ini). Anda mesti menjawab soalan secara sepenuhnya dan dengan tepat.

Kegagalan untuk mengambil langkah yang munasabah semasa menjawab soalan boleh mengakibatkan kontrak Takaful anda dibatalkan, tuntutan anda ditolak atau dikurangkan, perubahan terma atau penamatan kontrak Takaful anda.

Kewajipan pendedahan di atas hendaklah diteruskan sehingga masa kontrak Takaful anda dibuat, diubah atau diperbaharui dengan kami.

Di samping menjawab soalan di dalam Borang Cadangan (atau semasa anda memohon untuk Takaful ini), anda dikehendaki untuk mendedahkan sebarang perkara lain yang anda tahu berkenaan dengan keputusan kami untuk menerima risiko dan menentukan kadar dan terma yang diguna pakai.

Anda juga mempunyai kewajipan untuk memberitahu kami dengan serta-merta jika pada bila-bila masa selepas kontrak takaful anda dibuat, diubah atau diperbaharui dengan kami, sebarang maklumat yang diberikan di dalam Borang Cadangan (atau semasa anda memohon untuk Takaful ini) adalah tidak tepat atau telah berubah.

b. Kontrak Takaful Komersial

Menurut Perenggan 4(1) Jadual 9 Akta Perkhidmatan Kewangan Islam 2013, jika anda memohon Takaful ini untuk tujuan berkaitan dengan perdagangan, perniagaan atau profesion anda, anda mempunyai kewajipan untuk mendedahkan sebarang perkara yang anda tahu berkenaan dengan keputusan kami untuk menerima risiko dan menentukan kadar dan terma yang diguna pakai dan sebarang perkara yang diketahui sebagai berkenaan oleh seorang yang waras dalam keadaan tersebut, jika tidak ia boleh mengakibatkan kontrak takaful anda dibatalkan, tuntutan anda ditolak atau dikurangkan, perubahan terma atau penamatan kontrak takaful anda.

Kewajipan pendedahan di atas hendaklah diteruskan sehingga masa kontrak takaful anda dibuat, diubah atau diperbaharui dengan kami.

Anda juga mempunyai kewajipan untuk memberitahu kami dengan serta-merta jika pada bila-bila masa selepas kontrak takaful anda dibuat, diubah atau diperbaharui dengan kami, sebarang maklumat yang diberikan di dalam Borang Cadangan (atau semasa anda memohon untuk Takaful ini) adalah tidak tepat atau telah berubah.

c. Pentingnya pendedahan – anda mesti mendedahkan semua fakta yang anda ketahui atau sepatutnya anda ketahui, di dalam borang cadangan dengan sepenuhnya dan sebenarnya (cth sebarang kerugian terdahulu atau mana-mana Pengendali Takaful yang enggan melindungi anda), jika tidak sijil yang dikeluarkan selepas ini mungkin terbatal.

d. Anda mesti memastikan bahawa harta benda anda dilindungi dengan secukupnya pada jumlah yang sewajarnya selepas mengambil kira pengubahsuaian yang dibuat kepada harta benda.

Nilai Dilindungi / Jumlah Dilindungi

Jumlah bangunan dilindungi = nilai pasaran atau nilai pengembalian semula

Jumlah kandungan dilindungi

Barangan baharu = harga belian

Barangan lain = nilai pasaran yang bermakna nilai harta benda dilindungi ditolak peruntukan bagi kehausan dan kelusuhan dan/atau susut nilai

Fasal Purata

Jika pada masa kerugian, harta benda dilindungi mempunyai nilai lebih besar daripada jumlah dilindungi, anda perlu menanggung bahagian sekadar kerugian tersebut, sebagai contoh

Nilai Risiko : RM50,000

Jumlah Dilindungi : RM30,000

Kerugian atau Kerosakan : RM7,000

Pengendali Takaful membayar : $\frac{RM30,000/-}{RM50,000/-} \times RM7,000/- = RM4,200/-$

Anda perlu menanggung : $RM7,000 - RM4,200/- = RM2,800/-$ (Lebihan)

- e. Lebihan – Jumlah kerugian yang perlu anda tanggung manakala Pengendali Takaful anda akan membayar untuk baki tuntutan kerugian atau kerosakan.
- f. Tempoh Perlindungan – Tidak melebihi 12 bulan melainkan diselaraskan untuk penamatan sijil lain yang anda ambil. Anda perlu memperbaharui Sijil Takaful anda secara tahunan.
- g. Caruman
- Caruman yang perlu dibuat mesti dibuat kepada Zurich General Takaful Malaysia Berhad dalam masa 60 hari dari tarikh permulaan sijil, jika tidak kontrak akan dibatalkan secara automatik.
 - Pastikan anda meminta resit bagi caruman yang dibuat kepada Perunding Takaful atau Pengendali Takaful anda.
 - Caruman boleh dibuat dengan tunai atau cek (cek harus dibuat hanya atas nama Zurich General Takaful Malaysia Berhad.
 - Hubungi Zurich General Takaful Malaysia Berhad jika anda tidak menerima sijil Takaful selepas sebulan pembelian.
- h. Kepentingan penyimpanan resit dan terma & syarat utama yang lain: Sila rujuk pautan ini <https://zurich.com.my/en/services/corporate/key-terms-and-conditions>.

Perhatian:

Senarai ini tidak menyeluruh. Sila rujuk kepada kontrak sijil untuk terma dan syarat di bawah sijil ini.

6. Apakah pengecualian utama di bawah sijil ini?

Sijil kebakaran piawai ini tidak melindungi kerugian tertentu, seperti:

- * Gempa bumi, letusan gunung berapi dan bencana alam lain
- * Taufan, hurikan, puting beliung, siklon dan gangguan atmosfera lain
- * Kebakaran bawah tanah
- * Pembakaran harta benda atas perintah mana-mana pihak berkuasa awam
- * Letupan selain daripada letupan domestik
- * Kebakaran belukar/lalang
- * Kecurian
- * Pembakaran spontan
- * Risiko Peperangan, Keganasan, Nuklear dan Radioaktif

Semua pengecualian lain adalah menurut sijil kebakaran.

Bagaimanapun, anda boleh membuat caruman tambahan untuk melindungi sesetengah bahaya yang dikecualikan di atas seperti yang disebut di bawah Soalan 1.

Perhatian:

Senarai ini tidak menyeluruh. Sila rujuk kepada sampel sijil kontrak untuk senarai penuh pengecualian di bawah sijil ini.

7. Fasal Pengecualian Sekatan

Walau apa pun terma-terma yang terdapat dalam perjanjian ini, tiada pengendali takaful boleh dianggap memberi perlindungan atau akan membuat sebarang pembayaran atau menyediakan sebarang perkhidmatan atau manfaat kepada peserta atau pihak lain sekiranya perlindungan, pembayaran, perkhidmatan, manfaat dan /atau perniagaan atau aktiviti peserta boleh melanggar sebarang sekatan undang-undang atau peraturan perdagangan atau ekonomi yang tergunapakai dibawah sekatan-sekatan regim Majlis Keselamatan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (UNSC), Kementerian Dalam Negeri (MOHA) dan Pejabat Kawalan Aset Asing (OFAC).

8. Pengurusan Jumlah Kecil

Jumlah Kecil bermaksud sebarang jumlah kurang daripada Sepuluh Ringgit Malaysia (RM10) yang timbul dari lebihan caruman, pembatalan, perkongsian lebihan atau tuntutan yang akan dibuat selain melalui pembayaran elektronik. Jumlah Kecil akan disalurkan untuk kebajikan. Bagaimanapun, jika Anda membuat keputusan sebaliknya, Anda perlu mengemukakan permohonan formal kepada Kami.

Kami mungkin akan mengkaji semula kebolehlaksanaan jumlah kecil yang dinyatakan di atas dan sebarang pertukaran kepada jumlah tersebut akan tertakluk kepada kelulusan Jawatankuasa Syariah Kami.

9. Bolehkah saya membatalkan sijil saya?

Anda boleh membatalkan sijil anda dengan memberikan empat belas (14) hari notis bertulis kepada Pengendali Takaful. Selepas pembatalan, anda berhak untuk menerima pemulangan caruman berasaskan pengiraan tempoh singkat bagi tempoh takaful belum luput, tertakluk kepada caruman minimum yang disimpan oleh Pengendali Takaful.

10. Apakah yang perlu saya lakukan jika terdapat perubahan dalam butiran maklumat saya?

Anda hendaklah memberitahu kami tentang sebarang perubahan dalam butiran maklumat anda untuk memastikan semua surat sampai kepada anda tepat pada masanya.

11. Di mana saya boleh mendapatkan maklumat lanjut?

Jika anda memerlukan maklumat lanjut tentang Takaful Kebakaran, sila hubungi kami untuk sebarang pertanyaan di:

Zurich General Takaful Malaysia Berhad

Tingkat 23A, Mercu 3, No. 3, Jalan Bangsar, KL Eco City, 59200 Kuala Lumpur, Malaysia.

Tel : 603-21096000 Faks : 603-21096888 Pusat Panggilan: 1-300-888-622

www.zurich.com.my

12. Jenis pelan lain yang sama yang disediakan.

- 1) Takaful Kebakaran
- 2) Takaful Pemilik Rumah/ Isi Rumah

NOTA PENTING:

ANDA MESTI MEMASTIKAN BAHAWA HARTA BENDA ANDA DILINDUNGI PADA JUMLAH YANG SEWAJARNYA. ANDA HARUS MEMBACA DAN MEMAHAMI SIJIL TAKAFUL DAN BERBINCANG DENGAN EJEN ATAU HUBUNGI PENGENDALI TAKAFUL TERUS UNTUK MAKLUMAT LANJUT.

Sekiranya terdapat kekeliruan, kekaburan dan konflik dalam pentafsiran mana-mana terma atau syarat, versi Bahasa Inggeris adalah terpakai dan mengatasi versi Bahasa Malaysia.

Zurich General Takaful Malaysia Berhad dilesenkan di bawah Akta Perkhidmatan Kewangan Islam 2013 dan dikawal selia oleh Bank Negara Malaysia.

Maklumat yang disediakan di dalam lembaran pendedahan ini sah dari 1 Mac 2024, sehingga pindaan dibuat.

Zurich General Takaful Malaysia Berhad

Registration No. 201701045981 (1260157-U)

Level 23A, Mercu 3, No. 3, Jalan Bangsar, KL Eco City, 59200 Kuala Lumpur, Malaysia

Tel: 03-2109 6000 Fax: 03-2109 6888 Call Centre: 1-300-888-622

www.zurich.com.my

